

BAB V

BAB V

Kajian ini telah mengupas, membahas dan seterusnya membincangkan beberapa topik yang berkaitan dengan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab, ajaran-ajarannya, pandangan ulama dan sarjana mengenainya juga pengaruh ajaran beliau kepada ajaran Ahli Sunnah Perlis. Sebagai mengakhiri perbincangan mengenai topik di atas beberapa kesimpulan atau rumusan juga beberapa saranan akan dikemukakan di sini. Saranan-saranan ini diharapkan dapat menyumbangkan sesuatu yang bernilai dalam usaha membentuk dan merubah pemikiran setengah umat Islam agar tidak terus terbelenggu dengan membuat tanggapan negatif terhadap beliau dan buah fikirannya, juga terhadap Ahli Sunnah wal Jamaah Perlis.

a. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan penulis rumuskan perbincangan ini seperti berikut:

Muhammad Ibn Abd al-Wahhab adalah seorang tokoh kontroversi semenjak beliau mula menyebarkan dakwah ajarannya sampai ke hari ini. Walaupun ramai juga golongan yang menerima ajarannya dan menganggap beliau sebagai seorang tokoh **mujaddid** dari kalangan Ahli Sunnah

tetapi ada golongan yang lain menganggap beliau terkeluar dari mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah, bahkan beliau dituduh sebagai seorang pengasas mazhab **Wahhabi** yang menyeleweng dari mazhab Ahli Sunnah, satu mazhab yang sama seperti mazhab Khawarij.

Setelah dibuat penyelidikan dengan bersungguh-sungguh dengan merujuk kepada kitab-kitab karangan beliau, di dapati beliau tetap di atas mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah tidak seperti yang dituduh dan dikatakan oleh musuh-musuhnya.

Beliau seorang tokoh **Islah** yang dilahir dan dibesarkan dari keluarga alim ulama yang terkenal di Najd masa itu. Ramai dari keluarganya tergolong dari ulama-ulama besar yang dihormati dan menjadi tempat rujukan orang ramai bertanya mengenai hukum-hukum agama. Beliau sendiri telah dilantik oleh ayahnya menjadi imam sembahyang sebagai gantinya semenjak beliau berumur tiga belas tahun lagi.

Untuk mendalami dalam berbagai-bagai ilmu agama khususnya bidang hadith, tafsir, fekah, tauhid dan Bahasa Arab, beliau pergi belajar di beberapa buah negeri Islam yang menjadi pusat ilmu Islam masa itu seperti Mekkah, Madinah, Basrah, Damsyik dan lain-lain dengan ramai ulama masyhur masa itu. Di samping itu

beliau kuat mengkaji dan membaca kitab-kitab karangan Ibn Taimiyyah dan Ibn Qaiyyum sehingga beliau terpengaruh kepadanya. Akhirnya beliau menjadi seorang ulama besar sampai ke peringkat **mujtahid muqayyad** dalam mazhab Hanbali dan dianggap sebagai seorang **mujaddid**.

Ketokohan, kecerdikan dan kepintaran beliau terserlah semenjak kecil lagi dan diakui sendiri oleh ayahnya, yang mana ayahnya pernah berkata dia dapat banyak ilmu daripada Muhammad.

Muhammad Ibn Abd al-Wahhab banyak menghasilkan karya penulisan dalam berbagai-bagai bidang ilmu agama; tafsir, hadith, fekah, sirah, tauhid dan sebagainya, walaupun begitu tumpuan kepada tauhid lebih diutamakan dari yang lain-lain, sebab itu karya beliau dalam bidang ini lebih banyak jika dibandingkan dengan bidang-bidang lain. Karya penulisan beliau yang dapat dikesan ada lebih dari tiga puluh buah terdiri dari kitab-kitab kecil dan besar.

Setelah dewasa beliau menumpukan tugas dakwah mengajak orang ramai kembali kepada al-Quran dan Sunnah dan kepada akidah Islam yang murni, memerangi unsur-unsur syirik, amalan-amalan khurafat dan bid'ah. Apabila mendapat kerjasama dari Amir yang memerintah - beliau

menghapuskan unsur-unsur syirik dan khurafat seperti memotong sebatang pokok yang dianggap keramat oleh ramai orang waktu itu, meroboh **kubbah** di atas kubur Zaid Ibn al-Khattab dan di atas kubur-kubur lain di Mekkah dan ditempat lain dan akhirnya beliau dapat membentuk negara Islam di Semenanjung Tanah Arab.

Di samping penumpuan beliau yang lebih mengenai tauhid dan perkara-perkara syirik, khurafat dan bid'ah, beliau juga menumpukan dakwahnya mengenai beberapa perkara lain seperti **tawassul**, syafaat, mengenai binaan **kubbah** di atas kubur dan cara menziarahinya, **amar ma'ruf** dan **nahi mungkar** dan lain-lain lagi.

Kerana cara dakwah yang dilakukan nampak keras dengan menegur dan mengkritik amalan-amalan syirik, khurafat, bid'ah, menegah **bertawassul** dengan roh para wali dan lain-lain maka lahir tuduhan-tuduhan dari musuhnya mengatakan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab membawa ajaran salah dan menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar dan dianggap sebagai pengasas mazhab **Wahhabi** yang keluar dari mazhab Ahli Sunnah wal Jamaah. Beliau dituduh sebagai pembawa ajaran sesat dan menyeleweng, merendah-rendahkan kedudukan Rasulullah s.a.w., ditegah orang ramai dari berselawat kepadanya, mengingkari keramat para wali, dikatakan Allah berjisim dan menyerupai makhluk dan sebagainya.

Tuduhan-tuduhan seperti di atas dijawab dengan panjang lebar oleh beliau sendiri, oleh anak cucunya dan oleh ramai ulama pengikut beliau di sepanjang zaman bermula dari awal dakwahnya sampai ke hari ini. Dalam jawaban beliau sendiri umpamanya dia banyak menyebut "Ini adalah tuduhan karut yang besar " هذان عظيم ". Di samping itu beliau dan ulama-ulama pengikutnya memberi penjelasan mengenai ajarannya yang sebenar kepada masyarakat melalui pengajaran, syarahan, penulisan kitab-kitab dan risalah-risalah kecil dan disebar kepada umum termasuk kepada Jamaah haji yang datang tiap-tiap tahun ke Mekkah dan Madinah, juga mengadakan dailog dengan ulama-ulama yang memusuhi nya.

Hasil usaha dan penjelasan yang tidak kenal jemu itu didapati ramai orang Islam dapat memahami keadaan ajaran beliau yang sebenar dan menerima baik beliau dan ajarannya serta ramai terpengaruh kepadanya lalu menghayati ajaran dan cara bawaan beliau sehingga lahir ramai tokoh memuji dan menyanjung gerakan beliau, di samping ramai juga yang menentangnya.

Tokoh-tokoh gerakan Ahli Sunnah Perlis yang mempertahankan konsep Ahli Sunnah di sana didapati ada terpengaruh kepada ajaran bawaan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab, dengan melalui tokoh-tokoh tempatan Perlis yang belajar di Arab Saudi, melalui ulama Indonesia, India

dan Timur Tengah yang sudah terpengaruh kepada ajaran beliau.

Banyak perkara yang diamal oleh golongan Ahli Sunnah wal-Jamaah Perlis ada persamaan dengan ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab seperti sama dalam pegangan kepada akidah **salaf**, cara bertawassul, cara menunaikan sembahyang, cara membaca wirid selepasnya, tidak ada tahlil arwah, tidak ada tunggu kubur, sama-sama menghapus amalan-amalan syirik dan khurafat seperti menghapus kepercayaan kepada kubur-kubur keramat dan sial majal, bertenun nasib, melarang orang membina **kubbah** di atas kubur dan lain-lain lagi.

Walaupun begitu bagi setengah pengikut golongan Ahli Sunnah Perlis ada yang agak keterlaluan iaitu mudah dan cepat mengatakan sesuatu amalan yang dilakukan oleh orang lain sebagai bid'ah dan salah sedangkan yang sebenarnya bukan bid'ah. Umpamanya membaca basmalah kuat dalam sembahyang **jahar** dianggap bid'ah, membaca qunut dalam sembahyang Subuh bid'ah. Pada hal perkara itu bukan bid'ah kerana ada dalilnya, cuma dalil itu tidak kuat. Selain itu ada daripada mereka tidak mahu berimamkan kepada Imam yang membaca **basmalah** kuat dalam sembahyang **Jahar**.

b. Saranan

Bagi mereka yang terpengaruh kepada buku-buku yang dikarang oleh musuh-musuh Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab yang memburuk-burukkan beliau dan ajarannya, mereka ini perlu mengkaji dan menyelidik dahulu buku-buku tulisan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan buku-buku ulama yang menyokongnya dari sepanjang zaman kemudian bandingkan fakta-fakta yang mereka pegangi dengan fakta-fakta yang baru mereka perolehi dengan fikiran terbuka supaya mereka memperolehi kebenaran sebenar dan tidak **taasub** kepada pendapat musuh.

Sejarah Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan ajarannya yang sebenar perlu dikaji dengan merujuk kepada sumber-sumber asli, seperti tulisan-tulisan beliau dan pengikutnya, tidak hanya dengan menerima pandangan dari kalangan musuh-musuhnya sahaja. Dengan itu akan terdedahlah kebenaran ajaran beliau yang sebenar.

Penulisan sejarah beliau yang sebenar secara lengkap di dalam Bahasa Malaysia perlu dilakukan segera supaya orang ramai mengetahui keadaan sebenar beliau dan ajarannya. Sejarah itu hendaklah meliputi perkara-perkara seperti riwayat hidupnya, ajaran-ajaran yang dibawa, sikap ulama terhadapnya, tuduhan-tuduhan kepadanya oleh pihak musuh dan jawapan-jawapan beliau

serta jawapan-jawapan ulama-ulama yang menyokongnya, pengaruh beliau kepada pemimpin gerakan **Islah** di dunia Islam selepas zamannya, juga pengaruh kepada umat Islam di seluruh dunia.

Dalam memperkenalkan tokoh-tokoh **Islah** dan **mujaddid** Islam disepanjang zaman, ketokohan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab perlu ditunjukkan dan diperkenalkan juga bersama tokoh-tokoh lain seperti yang dilakukan oleh Ahmad Amin dalam bukunya "**Zuama al-Islah fi al-Asri al-Hadith**". Dengan pendedahan sedemikian dapat merubah tanggapan negatif orang ramai kepada beliau dan ajarannya.

Ulama-ulama dan sarjana-sarjana yang mengetahui keadaan sebenar Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan ajarannya hendaklah memberi penjelasan dan pendedahan yang meluaskan kepada orang ramai bahawa beliau adalah seorang tokoh Ahli Sunnah wal Jamaah yang bermazhab Hanbali dari segi Fekah dan mazhab **Salaf** dari segi akidah yang muncul untuk mengislahkan masyarakat ajaran Islam yang sebenar, bukan pembawa ajaran baru yang menyeleweng dari ajaran Ahli Sunnah wal Jamaah.

Perlu diingat oleh semua orang bahawa mana-mana tokoh **Islah** yang lahir di sesuatu zaman tertentu dia mungkin ada melakukan kesilapan yang tidak disengajakan,

kerana dia manusia biasa yang tidak **maksum**. Hal yang sama mungkin berlaku kepada Muhammad Ibn Abd al-Wahhab. Oleh itu mana-mana pendapat beliau yang tidak betul boleh dibuang dan yang sebaliknya hendaklah diterima.

Umat Islam di Malaysia hari ini yang rata-rata mengaku pengikut Ahli Sunnah, tetapi tidak tahu apa sebenarnya Ahli Sunnah, maka mereka perlu diberi faham mengenainya supaya mereka benar-benar mengenali Ahli Sunnah wal Jamaah, ciri-ciri penting yang perlu ada pada mereka, akidah dan akhlak Ahli Sunnah dan sebagainya supaya mereka benar-benar termasuk di dalam golongan Ahli Sunnah seperti yang dikehendaki oleh Islam, bukan pengikut Ahli Sunnah yang hanya bermegah dengan nama semata-mata.

Pengikut-pengikut dan pendokong Ahli Sunnah wal Jamaah Perlis yang berkeyakinan apa yang dipegangnya itu betul berasaskan kepada al-Quran dan hadith perlu meningkatkan fahaman mereka mengenai Islam yang sebenar dengan merujuk kepada dalil-dalil yang sah. Di samping itu jangan pula menuduh Ahli Sunnah yang bermazhab Syafie tidak betul, kecuali kalau apa yang dilakukan oleh mereka memang tidak betul, tidak ada dalil atau memang perkara itu dari perkara bid'ah dalam agama. Mereka sepatutnya selalu berbincang dengan Ahli Sunnah mazhab Syafie secara terbuka tidak **taasub** kepada

pendapatnya semata-mata.

Pengikut-pengikut mazhab Syafie yang berada berdekatan dengan Ahli Sunnah Perlis khasnya dan yang berada di Malaysia umumnya hendaklah bersikap terbuka, jangan cepat membuat tuduhan yang bukan-bukan kepada golongan Ahli Sunnah Perlis, dan kajilah di mana salah dan silap diri sendiri untuk diperbetulkan dan di mana silap Ahli Sunnah Perlis supaya dapat dinasihati dengan baik.

Demikianlah sedikit sebanyak kesimpulan dan rumusan serta saranan yang dapat dikemukakan di sini oleh penulis. Dengan itu cukuplah ulasan yang dapat didedahkan dan penulis mengharap semoga apa yang dibentangkan, dikaji dan diulas dalam tesis ini akan memberi manfaat kepada penulis sendiri dan kepada masyarakat umum di samping menjadi sebagai satu kajian ilmiah yang berguna khusus mengenai tajuk seorang tokoh kontroversi di sepanjang zaman.